



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**SENI CETAKAN: KAJIAN MENGENAI
PENGUNAAN TEKNIK STENSIL DALAM
PENGHASILAN KARYA**

Siti Khadijah Binti Shahidan

C17A0330

Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Teknologi Kreatif dan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2021

PERAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan

Nama pelajar :

No. Matriks :

Tarikh :

Disahkan oleh:

Tandatangan Penyelia

Nama penyelia :

Cop :

Tarikh :

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dengan ini saya Siti Khadijah binti Shahidan (C17A0330) pelajar Universiti Malaysia Kelantan yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif telah berjaya menyiapkan projek penyelidikan bagi semester akhir.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada pensyarah elektif saya iaitu Encik Haris Abadi Bin Abdul Rahim dan Dr. Yuhanis bin Ibrahim.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan ibu bapa saya yang banyak menyokong dari segi pengangkutan dan kos penyelidikan. Tanpa bantuan mereka sudah pasti saya tidak akan dapat menyiapkan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kawan-kawan saya yang turut membantu saya.

Sekalung budi ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan yang banyak memberi tunjuk ajar sepanjang proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir sekali penghargaan kepada artis Stephen Menon yang telah memberi kerjasama dalam memenuhi kriteria yang diperlukan dalam penyelidikan saya.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN**ABSTRAK****ABSTRACT****BAB 1 : PENDAHULUAN**

1. 1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	7
1.3 Persoalan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Hipotesis	9
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	11
2.1 Sejarah Seni Cetakan	11
2.2 Definisi Stensil	13
2.3 Teknik Stensil	14
2.3.1 Kaedah Teknik Stensil	16
2.4 Percetakan Skrin	18
2.4.1 Keباikan Silkscreen	21
2.4.2 Jenis Dakwat	23
2.5 Stephen Menon	25
2.5.1 Karya GE14 Series : Bagai Empedu	
Lekat di Hati	27

2.5.2 Karya Pandora's Box	28
2.5.3 Karya Never a Dull Moment	29
2.6 Coronavirus	29
2.7 Kesan Covid - 19	30
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	33
3.1 Kaedah Kajian	34
3.1.1 Kajian Kuantitatif	35
3.1.2 Kajian Kualitatif	35
3.2 Data Primer	36
3.2.1 Temu Bual	36
3.2.2 Kaedah Soal Selidik	37
3.3 Data Sekunder	38
3.4 Pengumpulan Data	39
3.5 Kesimpulan	40
BAB 4 : DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pengenalan	41
4.1 Analisis Data	42
4.1.1 Analisis Soal Selidik	42
4.2 Analisis Latar Belakang Responden	43
4.2.1 Jantina Responden	43

4.2.2 Analisis Kumpulan Umur Responden	44
4.3 Analisis Tahap Kesedaran Teknik Cetakan dalam Kalangan Pelajar Seni	45
4.4 Huraian Temu Bual bersama Stephen Menon	49
4.4.1 Latar Belakang Artis	49
4.4.2 Pencapaian Artis	51
4.4.3 Pameran Yang Disertai Oleh Artis	53
4.4.4 Dapatan Temu Bual bersama artis Stephen Menon	54
4.5 Proses Penghasilan Karya	55
4.5.1 Komposisi Idea Dan Subjek Utama	56
4.6 Proses Mewarna	58
4.6.1 Lapisan Pertama	59
4.6.2 Lapisan Kedua	60
4.6.3 Lapisan Ketiga	61
4.7 Karya Akhir	62

BAB 5 : KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	64
----------------	----

BIBLIOGRAFI

Abstrak

Seni cetakan digunakan untuk tujuan bahan pendidikan, propaganda dan bahan keagamaan. Seni cetakan ialah proses menghasilkan karya atau imej yang sama berulang kali. Proses penghasilan cetakan terawal dihasilkan daripada cetakan kayu yang dipercayai bermula pada abad ke 7 Masihi di China. Namun disebabkan proses stensil yang agak rumit, teknik ini masih kurang diketahui ramai. Antara pengkarya yang menggunakan teknik stensil dalam karya mereka ialah Banksy, Christian Geumy dan Shephard Fairey. Pada awal kemunculannya seni cetakan digunakan untuk tujuan bahan pendidikan, propaganda dan bahan keagamaan. Seni cetakan ialah proses menghasilkan karya atau imej yang sama berulang kali. Kajian tentang seni cetakan stensil atau saring masih terhad dan belum berkembang dengan lebih meluas lagi. Justeru, kajian dijalankan untuk mengkaji penggunaan teknik stensil dalam penghasilan karya seni. Teknik stensil ini dianggap cabaran kepada pengkarya kerana proses pembuatan yang menggunakan teknik ini agak rumit dan memakan masa yang lama pada peringkat awal. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti artis-artis yang menggunakan teknik stensil dalam menghasilkan karya. Mengenalpasti jenis-jenis teknik stensil yang wujud dalam penghasilan karya. Serta mengenalpasti penggunaan warna dalam teknik stensil. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif melibatkan tiga golongan umur iaitu golongan pertama berumur berumur 14 hingga 20 tahun, 21 hingga 27 tahun dan 28 hingga 47 tahun. Soalan soal selidik akan diedarkan melalui platform 'google form'. Hal ini untuk menguji tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat awam mengenai seni cetakan stensil ini. Kajian kualitatif pula melibatkan sesi temu bual Bersama tiga orang artis yang mahir dalam bidang seni cetakan stensil ini. Sesi temu bual ini akan dijalankan secara formal iaitu artis akan menjawab soalan yang telah diberikan sebelum sesi soal jawab bermula. Oleh itu, kajian ini penting untuk memberi pendedahan mengenai keunikan ada nilai estatik yang ada pada teknik stensil dalam penghasilan karya.

Kata kunci : *cetakan, stensil, artis, karya, warna, estetika*

Abstract

The art of printing is used for educational, propaganda, and religious materials. The art of printing is the process of producing the same work or image over and over again. The process of producing the earliest prints was produced from wood prints believed to have begun in the 7th century AD in China. However, due to the relatively complicated process of stencils, this technique is still less known to many. Among the artists who use stencil techniques in their work are Banksy, Christian Geumy, and Shephard Fairey. At the beginning of its emergence, the art of printing was used for educational purposes, propaganda, and religious materials. The art of printing is the process of producing the same work or image over and over again. Studies on the art of stencil or strain printing are still limited and have not developed much further. Thus, a study was conducted to study the use of stencil techniques in the production of artwork. This stencil technique is considered a challenge to the artist because the manufacturing process that uses this technique is quite complicated and time-consuming in the early stages. The main purpose of this study is to identify artists who use stencil techniques in producing works. Identify the types of stencil techniques that exist in the production of works. As well as identifying the use of color in stencil techniques. This study is quantitative and qualitative. The quantitative study involved three age groups, namely the first group aged 14 to 20 years, 21 to 27 years, and 28 to 47 years. Questionnaire questions will be distributed through the 'google form' platform. This is to test the level of awareness and knowledge of the public about the art of stencil printing. The qualitative study involves an interview session with three artists who are skilled in the field of stencil printing. This interview session will be conducted formally that the artist will answer the questions that have been given before the question and answer session begins. Therefore, this study is important to provide exposure to the uniqueness of the statistical value of stencil techniques in the production of works.

Keywords: *print, stencil, artist, work, color, aesthetics*

Bab 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Ekpressionisme ialah satu aliran seni tampak yang mempengaruhi gaya seni, muzik dan sastera pada awal abad ke-20. Ekpressionisme adalah aliran yang lebih memfokuskan kepada emosi dan kerohanian artis dalam menghasilkan karya. Golongan ekpressionisme menganggap bahawa seni merupakan sesuatu yang asal dari dalam jiwa atau diri seniman itu sendiri dan bukannya dari peniruan alam dunia. Mereka menghiraukan teknik formal untuk mendapatkan ekspresi yang lebih harmoni dan tiada tekanan estetik. Dalam erti kata lain, karya aliran ekpressionisme ialah ekspresi luahan jiwa dan rasa seniman itu sendiri.

Sejarah seni tampak di Malaysia bermula apabila munculnya pelukis seni di Tanah Melayu mula menggunakan cat minyak di atas kanvas. Seni tampak di Malaysia bermula pada tahun 1920-1930. Namun, seni tampak di Tanah Melayu masih dilihat tidak matang dan kurang nilai estetik kerana tidak mendapat bimbingan yang betul. Pada tahun 1920, Yong Mung Seng dari Singapura telah mendirikan studio seninya yang pertama di Tanah Melayu. Studio seni beliau terletak di utara Malaysia, Pulau Pinang. Justeru, itu seni tampak semakin berkembang di Tanah Melayu antaranya ialah seni cetakan.

Seni cetakan berkembang seiring dengan dengan seni catan sewaktu era penjajahan Inggeris (Mulyadi Mahamood, 2003). Menurut Bastin dan Rohatgi, keindahan landskap tanah jajahan menyebabkan seni lukis yang dihasilkan melalui

teknik cetakan akuatin yang dilukis oleh pelukis barat sekitar 1786 hingga 1824 terlihat sangat menarik dan indah. Dalam konteks ini, seni cetakan memainkan peranan yang penting dalam mempopularkan tema landskap dalam kegiatan seni lukis di era penjajahan.

Seterusnya, pada akhir tahun 1940, kemunculan seni cetak kotemporari yang dibawa masuk oleh pelukis-pelukis Akademi Nanyang di Singapura. Perbezaan seni cetak pada tahun 1920 dan 1940 ialah seni cetak pada 1920, lebih tertumpu kepada keindahan alam dan landskap Tanah Melayu. Manakala seni cetak kotemporari 1940, menggambarkan suasana kehidupan seharian masyarakat setempat. Hal ini disebabkan, kecenderungan Akademi Nanyang dalam menghasilkan karya dipengaruhi oleh isu media massa serta cetakan kayu Cina.

Di samping itu Lee Joo dan Latiff Mohidin merupakan artis yang bergiat aktif dalam menghasilkan karya seni cetak pada tahun 1960. Namun begitu, secara umumnya seni cetak masih bersifat sampingan. Hal ini kerana, hasil karya utama Tanah Melayu ketika itu ialah catan. Teknik yang diaplikasikan oleh Lee Joo For ialah gurisan asid dan potongan lino. Beliau menggabungkan jalinan imej yang diinspirasikan daripada seni , tradisi Jepun, India serta daripada pelukis moden seperti Matisse, Picasso dan Kubisme.

Seni cetakan adalah salah satu ekspresi artistik di dalam seni visual. Di Malaysia, perkembangan seni cetakan bermula sebagai satu medium komunikasi. Seni cetakan boleh diklasifikasikan ke dalam beberapa kategori. Antaranya ialah cetakan,

intaglio, planographic dan di era modern modern ini terdapat cetakan digital. Paling demokratis. Hal ini demikian, seni cetakan merupakan seni pembuatan yang bersifat komunikasi. Perkongsian pengetahuan adalah perkara biasa di kalangan artis. Malahan perkongsian alat dan studio merupakan perkara biasa dalam golongan artis cetakan. Perkongsian pengetahuan dan peralatan ini menjadikan pembuat cetak merasa terhubung dan hidup dalam satu komuniti besar.

Perkembangan awal seni cetak kontemporari di negara ini boleh dirujuk kepada kegiatan seni cetak potongan kayu oleh pelukis-pelukis Akademi Nanyang di Singapura pada akhir tahun 1940-an. Tidak seperti kegiatan seni catan awal pada akhir tahun 1920-an yang tertumpu pada tema landskap alam semula jadi yang romantis, karya seni cetak awal lebih banyak menggambarkan suasana kehidupan seharian masyarakat, seperti kehidupan pekerja buruh kasar, peniaga, dan kehidupan penduduk di kawasan setinggan dan kampung Melayu. Hal ini mempunyai kaitan dengan prinsip seni pelukis Nanyang, kecenderungan media massa, dan pengaruh seni cetakan kayu Cina.

Meskipun kecenderungan merakamkan pemandangan tempatan menjadi trend umum pelukis-pelukis nanyang sejak penubuhannya pada tahun 1938, terdapat sekumpulan pelukis muda akademi itu pada akhir tahun 1940-an yang lebih berminat menggambarkan tema kemasyarakatan. Mereka terdiri daripada beberapa tenaga pengajar muda seperti Lim Yew Kuan, Chuah Mia Tee, dan Tan Tee Chie. Mereka menganggap diri mereka sebagai pelukis realis yang menekankan gambaran realiti kehidupan seharian tanpa ciri-ciri romantik dan sentimental.

Lee Joo For dan Abdul Latiff Mohidin adalah antara pelukis negara yang aktif menghasilkan karya seni cetak pada dekad 1960-an. Meskipun begitu, seni cetak umumnya masih bersifat sampingan kerana kerja kreatif utama pelukis Malaysia ketika itu ialah catan. Menerusi cetakan gurisan asid dan potongan lino, Lee Joo For menggabungkan dan menjalin imejan-imejan kepelbagaian budaya yang dipinjam daripada kesenian dan tradisi Jepun, India, dan malahan daripada karya-karya pelukis moden seperti Matisse, Picasso, dan kubisme.

Pada peringkat awal sebelum wujudnya mesin cetak, seni cetakan tidak dianggap sebagai bentuk seni, melainkan media komunikasi. Namun pada abad ke-18 cetakan seni mula dianggap asli dan pada abad ke-19 para pengkarya mula menghasilkan edisi terhad dan menandatangani cetakannya bersama dengan maklumat teknikal yang diperlukan untuk mengesahkan karya tersebut. Proses penghasilan cetakan terawal dihasilkan daripada cetakan kayu yang dipercayai bermula pada abad ke-7 Masihi di China (Russel Howze, 2008).

Seni cetakan ialah proses menghasilkan karya atau imej yang sama berulang kali. Seni cetakan digunakan untuk tujuan bahan pendidikan, propaganda dan bahan keagamaan. Seni cetakan terbahagi kepada empat jenis iaitu cetakan timbulan, cetakan benam/intaglio, cetakan stensil/serigraphy dan cetakan planografi/litography (O'Reilly, 1996). Menurut Emma Macaroni (2012), perkataan stencil berasal daripada perkataan Perancis yang bermaksud 'untuk ditutup dengan berkilau'. Stensil ialah corak yang dihasilkan daripada menyapu atau mengecap dakwat atau cat di atas besi atau kertas yang telah dipotong mengikut corak yang diinginkan.

Seterusnya mengikut Teo Siew Jing (2007), cetakan stensil terdiri daripada 3 unsur utama iaitu imejan, squeegee, dan dakwat. Stensil boleh dihasilkan melalui teknik fotografi atau pembuatan manusia. Stensil merupakan negatif bagi sesuatu imejan. Oleh itu, dakwat dapat menembusi semasa proses cetakan dijalankan pada bahagian yang belum dicetak.

Mutakhir ini, seni cetakan tidak lagi dipandang enteng malahan menjadi pilihan dan popular dalam kalangan artis Malaysia. Selain itu perkembangan teknologi, menggalakkan lagi seni cetakan di Malaysia. Dengan keadaan sedemikian, pengkaji memilih seni cetakan yang menggunakan teknik cetakan saring sebagai teknik penghasilan karya. Aliran yang dipilih ialah ekspressionisme.

Cetakan saring atau dikenali sebagai teknik serigrafi atau silkscreen. Cetakan saring merupakan teknik cetakan yang menggunakan stensil di atas skrin atau saring yang diperbuat daripada kain sutera. Menurut Carl Zigrosser, serigrafi ialah teknik cetakan yang menggunakan tekanan dakwat ke atas sekeping kertas atau kanvas melalui bongkah kayu yang mempunyai imej atau ukiran corak di atasnya. Begitu juga dengan Roni Henning, menurut beliau cetakan adalah satu kaedah, cetakan yang menggunakan pemeras untuk meratakan dakwat di atas permukaan kertas atau kanvas. Teknik cetakan saring merupakan teknik cetakan baharu. Perkembangan teknologi menggalakkan pertumbuhan teknik cetakan stensil ini.

Oleh itu, pengkaji memilih seni cetakan stensil sebagai teknik dalam penghasilan karya . Pendekatan figurative digunakan dalam karya untuk menimbulkan lagi unsur-unsur realistik bagi membangkitkan isu kemanusiaan dan virus covid-19 yang sedang melanda dunia ketika ini. Negara kita Malaysia, turut terjejas disebabkan virus ini. Namun dengan adanya usaha dan kemahiran barisan hadapan kita, virus ini dapat ditangani dengan baik. Karya ini merupakan penghargaan terima kasih kepada pihak '*frontliners*' yang telah bersusah payah menangani wabak ini.

Kajian ini penting dalam memperkenalkan seni aliran ekpressionisme dan teknik cetakan saring. Selain itu, untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bahayanya covid-19 dan kita seharusnya mematuhi arahan daripada kerajaan, agar usaha para '*frontliners*' tidak disia-siakan.

1.1 Permasalahan Kajian

Menurut Marie Anne Kirker (2009), seni cetakan telah wujud sejak abad ke-15. Seni cetakan merupakan salah satu bentuk seni visual. Teknik cetakan stensil adalah satu teknik cetakan yang semakin mendapat tempat dalam kalangan artis visual. Karya yang menarik dan penuh nilai estetika dapat dihasilkan jika mengikut proses pembuatan yang betul dan teliti.

Cetakan stensil ini dianggap mencabar oleh pengkarya kerana proses pembuatan menggunakan teknik ini memakan masa yang lama. Di samping itu, ketelitian yang tinggi perlu dalam menghasilkan karya serta kos pembuatannya juga tinggi. Hal ini kerana, proses permulaan karya perlu melalui proses coating, expose dan pembasuhan yang berulang kali. Malah proses pembasuhan ini, bergantung kepada jumlah warna yang digunakan. Makin banyak warna yang digunakan, makin banyak pembasuhan perlu dilakukan.

Oleh itu, teknik cetakan stensil kurang dipelopori oleh artis kerana, mereka lebih gemar akan seni catan yang tidak rumit dan mengambil masa yang agak lama untuk disiapkan. Selain itu, seni cetakan tidak mendapat perhatian kerana perkembangan sejarah seni moden lazimnya, dilihat dari sudut sejarah seni catan. Hal ini diburukkan lagi apabila seni cetakan, dilihat sebagai “seni pinggir” oleh golongan artis catan pada peringkat awal perkembangan seni halus di Malaysia.

Hal ini telah menyebabkan, seni cetak terpinggir meskipun seni telah berkembang di Malaysia seiring dengan seni catan sewaktu era penjajahan. Tambahan

pula, disiplin seni cetakan memerlukan perlengkapan yang berkos besar seperti, penyediaan bengkel dengan perlatan-perlatan khusus.

Seterusnya, kekurangan bahan tulisan mengenai seni cetakan terutamanya teknik cetakan stensil. Penulisan, mengenai teknik ini kurang diberi pendedahan kepada masyarakat. Sehingga kini, hanya beberapa institusi yang menawarkan kursus khas bagi seni cetakan. Masih banyak masyarakat yang tidak mengetahui kewujudan teknik cetakan stensil ini.

1.2 Persoalan Kajian

Kajian mengenai teknik cetakan stensil telah menimbulkan beberapa aspek yang menjadi persoalan terhadap kajian ini. Aspek yang dilihat menjadi persoalan ialah :

- i. Mengapakah seni cetakan kurang popular di Malaysia?
- ii. Apakah kaedah stensil yang wujud dalam penghasilan karya?
- iii. Bagaimanakah tahap kesedaran masyarakat mengenai teknik stensil?

1.3 Objektif Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mestilah mempunyai tujuan yang tersendiri bagi membuktikan, kebenaran sesuatu kajian yang dilakukan. Oleh itu, objektif kajian ini dilakukan adalah untu:

- i. Menganalisa sejarah seni cetakan di Malaysia.
- ii. Mengenalpasti jenis-jenis kaedah stensil yang wujud dalam penghasilan karya.
- iii. Mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat mengenai cetakan stensil.

1.5 Hipotesis

Teknik cetakan memudahkan kerja artis dalam penghasilan karya mereka. Terdapat ramai artis yang menggunakan teknik cetakan stensil dalam menghasilkan karya dan mempunyai identiti serta teknik yang tersendiri. Selain itu, wujud pelbagai jenis teknik stensil yang digunakan oleh pengkarya mengikut kreativiti dan kepakaran masing-masing. Pelbagai warna digunakan untuk mendapatkan bentuk, corak dan hasil yang menarik.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian secara keseluruhannya memfokuskan kepada tiga aspek utama iaitu pengkarya seni yang mahir dalam seni cetakan stensil, jenis-jenis teknik stensil dan pengolahan warna dalam teknik stensil. Pengkaji akan mengkaji teknik-teknik yang digunakan dalam menghasilkan karya cetakan stensil ini. Tujuannya adalah untuk memperkenalkan seni cetakan cetakan stensil ini dengan meluas kepada masyarakat luar.

Selain itu, pengkaji juga akan mengkaji secara terperinci tentang kaedah atau penggunaan warna yang digunakan dalam menghasilkan karya seni ini. Hal ini sangat penting untuk pengkaji kerana teknik dan warna mestilah bersesuaian untuk mendapatkan satu karya yang harmoni dan estetik. Akhir sekali, pengkaji menemu bual artis yang mahir dalam bidang cetakan stensil serta mengedar soalan melalui 'google form' kepada tiga kumpulan pelajar seni visual. Tiga kumpulan tersebut ialah, pelajar sekolah menengah, pelajar seni STPM dan pelajar universiti.

1.7 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk memperkenalkan para pengkarya yang bergiat aktif dalam menghasilkan karya menggunakan teknik stensil. Hal ini demikian kerana, seni cetakan stensil masih kurang dikenali ramai. Oleh itu dengan adanya kajian ini, karya yang dihasilkan para pengkarya mendapat lebih pendedahan dan pengiktirafan.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga ialah untuk memberi pendekatan jenis-jenis teknik stensil yang terdapat dalam penghasilan karya. Melalui kajian ini, pengkarya ingin mengkaji teknik yang digunakan oleh Banksy, Christian Geumy dan Shephard Fairey. Maka hasil penggabungan teknik daripada ketiga-tiga pengkarya, keistimewaan dan keunikan baharu akan terserlah dalam karya yang bakal dihasilkan.

Tambahan pula, kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat. Kajian ini memberi pengetahuan yang banyak serta mendalam tentang seni cetakan stensil ini. Dalam pada itu, kajian ini juga memberi kesedaran kepada masyarakat tentang keistimewaan teknik cetakan stensil. Di samping itu, Kajian in akan membantu perkembangan seni cetakan stensil di Malaysia dan juga luar negara. Kajian ini juga akan menambah ilmu pengetahuan masyarakat kepada kajian kajian yang sedia ada tentang seni cetakan stensil.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan kajian secara literature ke atas seni cetakan dari aspek teknik dan warna stensil. Bab ini meliputi sejarah seni cetakan, definisi stensil, warna, tokoh seniman serta isu mengenai virus covid-19 di Malaysia.

2.1 SEJARAH SENI CETAKAN

Seni cetakan adalah satu bentuk seni yang terdiri daripada pengeluaran imej, di atas kertas, parchment, plastik, atau sokongan lain, dengan pelbagai teknik di bawah pengawasan secara langsung oleh artis.

Pada awal kemunculan seni cetakan di Malaysia, sebilangan besar menggunakan teknik memotong kayu dalam menghasilkan karya seni cetakan. Antaranya, karya bertema “Menunggu” oleh Chen Zhijie dan “Boneka Pertunjukkan” karya Lin Muhui. Kebiasaan kerja mereka adalah menggunakan tema sosial sebagai idea. Tema ini merupakan sumber idea utama mereka. Seterusnya, seniman seperti Abdul Aziz Mohyidin dan Li Zhufu mula mencetak karya menggunakan teknologi pengukiran asid mularad pada pertengahan tahun 1960. Hasilnya, pelukis lain seperti menggunakan teknik cetakan monograf. Antara seniman yang terkenal ketika itu ialah, Liong Tiashi, Ibrahim Ismail dan Li Jiancheng.

Seterusnya, pembuatan cetakan hanyalah acara sampingan, dan karya yang dihasilkan biasanya menggunakan tema yang sama dengan lukisan pelukis. Tetapi keadaan ini tidak

bertahan lama. Semakin banyak artis muncul dalam karya cetak, seni cetak semakin popular. Pada akhir 1960-an dan awal 1970-an, pembuatan cetakan telah dipertimbangkan kerana adanya bidang penyelidikan profesional di Jabatan Pengajian Seni dan Reka Bentuk, ITM, dan Kemanusiaan. Selepas itu institusi lain ditubuhkan, seperti Akademi Seni Malaysia. Melalui institusi seni ini, lahirlah banyak seniman cetak nasional, seperti Ponirin Amin, Ismail Latiff, Mansor Ibrahim, Juhari Muhammad Said, Bahaman Hashim, Awang Damit Ahmad dan Jamil Mat Isa.

Pada tahun 1970-an, pembuatan cetakan menjadi semakin popular dan mendapat perhatian. Hal ini menyebabkan, pertandingan seni percetakan menjadi, setanding pertandingan yang dianjurkan oleh Galeri Seni Nasional dan ESSO pada tahun 1974 dan pemenang pertandingan ketika itu adalah cetakan silkscreen oleh Raja Zahabuddin Raja Yaacob, yang berjudul "Beyond the Known". Selain aktiviti ini, pameran seni pembuatan cetakan asing dari Jepun, Britain, Perancis, dan Jerman juga diadakan di negara, 1991 Pada tahun 2009, seniman tempatan menyertai pameran asing. Cetakan kebangsaan yang mengagumkan dipamerkan di Biennale Seni Asia Kelima di Bangladesh.

Ringkasnya, aktiviti pembuatan cetakan tidak pernah lepas dari kronologi sejarah dan perkembangan budaya Malaysia. Dari era perintis hingga era pluralistik, seniman cetak telah berinteraksi dan bereaksi terhadap alam sekitar, termasuk pengendalian gaya umum estetika Islam dan pembentukan kebijakan budaya nasional.

2.2 Definisi Stensil

Percetakan skrin juga disebut stensil dan serigrafi. Stensil adalah teknik percetakan yang menggunakan templat pada layar yang terbuat dari sutera layar atau kain sutera. Percetakan skrin adalah jenis teknologi percetakan baru dalam bidang seni grafik. Percetakan skrin adalah proses percetakan atau penyuntingan berulang. Gambar yang jelas dapat dihasilkan dengan teknologi percetakan skrin menggunakan templat dan dakwat. Templat tersebut dapat menghilangkan warna atau pigmen dari kain, seramik, kaca, plastik, kertas, nilon, kadbod, logam, kanvas, dan polietilena.

Perkembangan teknologi percetakan skrin bermula di industri teknologi Amerika pada tahun 1930-an. Teknologi percetakan intim sangat popular di bidang seni rupa, dan ia juga merupakan jenis karya seni komersial. Di samping itu, pada awal tahun 1900-an, Samuel Simon pertama kali mengetahui mengenai percetakan intim di UK. Teknik ini dipelopori oleh Guy McCoy dari Sekolah Seni Jepsen. Guy McCoy adalah artis pertama yang memperkenalkan teknologi percetakan skrin sebagai medium dalam seni rupa.

Cetakan saring mempunyai tiga unsur yang penting iaitu imejan, squeegee dan dakwat. Proses tersebut menggunakan permeable texture* atau stainless steel work* yang berporos dan diregang dengan ketat pada bingkai yang dibuat daripada kayu atau logam. Stensil boleh dihasil melalui teknik fotografi atau pembuatan manusia. Stensil merupakan negatif bagi sesuatu imejan.

Dengan itu, ia membenarkan dakwat menebusi semasa proses percetakan dijalankan pada bahagian yang belum dicetak. (*Brad Faine, 1989, The Complete Guide to Screen Printing) Seseorang artis menjadikan cetakan saring sebagai penggunaan seni dalam karya.

Artis tempatan dan antarabangsa sering mengamalkan penggabungan cetakan saring dengan media lain. Ini dapat dilihat dipraktikkan oleh beberapa orang artis terkenal seperti Andy Warhol, Robert Rauchenberg dan sebagainya. Ada dikalangan mereka mempunyai sifat tertentu dan menggunakan kaedah tertentu dalam karya teknik cetakan saring dalam penghasilan karya. Dengan itu, artis generasi muda dapat mencetus idea dalam penggunaan teknik cetakan saring dalam karya mereka.

2.3 TEKNIK STENSIL

Stensiling adalah salah satu kaedah pertindihan yang paling mudah. Reka bentuk dipotong daripada kertas (atau mana-mana bahan lain yang sesuai nipis, kuat) dan kemudian dicetak dengan menggosok, menggulung, atau menyembur cat melalui kawasan potongan. Skrin sutera adalah proses stensil canggih, diperkenalkan sekitar tahun 1900 dan pertama kali digunakan untuk kerja-kerja pengiklanan dan paparan. Pada tahun 1950, artis seni halus mula menggunakan proses itu secara meluas, memberikannya nama serigraf.

Stensil adalah 'alat untuk menerapkan pola, reka bentuk, dan lain-lain ke permukaan, yang terdiri dari lembaran tipis dari kardus, logam, atau bahan lain dari mana gambar atau huruf yang telah dipotong. Seterusnya bahan pewarna, tinta, akan digosok, disikat, atau ditekan di atas lembaran, melalui perforasi dan ke permukaan.

Dalam erti kata lain, ia adalah penciptaan imej positif daripada struktur negatif: apabila cat digunakan melalui kawasan potong ke permukaan di bawahnya, imej terbentuk. Teknik stensiling adalah cara terbaik untuk mencipta corak yang boleh dihasilkan semula simbol, huruf atau bentuk yang sama, sebagai contoh, dengan cepat dan agak tepat fesyen. Bahagian terbuka

stensil dipanggil "pulau" dan mereka adalah orang-orang yang "membiarkan warna melalui" ke permukaan di bawahnya, manakala "jambatan" adalah bahagian stensil yang memisahkan pulau-pulau, menjaga cat dari permukaan dan mengekalkan bentuk stensil.

Imej diy stensil boleh menjadi sangat peribadi, dan oleh itu ia boleh menjadi simbol identiti seseorang artis. Walaupun stensil kelihatan seperti sukar untuk dihasilkan, kebenarannya adalah bahawa teknik stensil ini sangat fleksibel dan kreatif. Hal ini kerana pelbagai lapisan cat atau aerosol boleh digunakan pada imej yang sama untuk membuat ilusi kedalaman. Stensil boleh menjadi semudah atau kompleks seperti yang dikehendaki, bergantung kepada kerajinan dan dedikasi seseorang untuk belajar untuk menghasilkan stensil.

Bermula pada tahun 1960-an, artis-artis di Amerika Syarikat dan Eropah mula menggunakan teknik ini sebagai cara menghantar mesej kepada penduduk bandar secara meluas. Antara artis pertama yang mempamerkan kerjanya adalah John Fekner, yang menulis *Wheels Over Indian Trails* di Terowong Pulaski Bridge Queens Midtown. Karya beliau kekal selama sebelas tahun, antara 1979 dan 1990. Karya-karya beliau kemudiannya memberi inspirasi kepada seorang lagi perintis seni stensil, Blek le Rat, yang bermula di Paris pada tahun 1981 dan karya beliau dipengaruhi oleh artis-artis grafiti di New York City dan budaya kereta api bawah tanah. Hari ini, seluruh generasi kreatif yang telah mewarisi seni ini, termasuk Vhils, Shepard Fairey dan Banksy yang tidak dapat dielakkan, yang karya seninya diraikan, tetapi juga ditiru di seluruh dunia.

2.3.1 KAEDAH TEKNIK STENSIL

Kaedah penyediaan stensil yang sering digunakan adalah memotong stensil dengan pisau. Dalam kaedah ini, artis boleh menggunakan plat percetakan proses skrin yang dihasilkan secara komersial atau kertas stensil konvensional. Untuk hasil kerja yang lebih halus dan tepat,

plat proses, yang terdiri daripada filem pada sokongan, diutamakan. Kawasan yang akan dicetak dipotong daripada filem dan dikupas, dan meninggalkan seluruh filem di kertas sokongan. Selepas plat dilampirkan pada skrin, kertas sokongan dikeluarkan. Oleh itu, skrin ditutup dengan filem kecuali di kawasan percetakan. Plat proses boleh didapati dalam warna yang berbeza untuk menjadikan daftar lebih mudah, dan ia dilampirkan pada skrin sama ada dengan haba atau dengan menggunakan pelarut khas.

Selain itu, kaedah tusche-and-gam, yang serupa dengan etching aquatint tanah lif turut digunakan. Reka bentuk dicat pada skrin dengan tusche dan, apabila kering, seluruh skrin ditutup dengan gam. Apabila gam kering, reka bentuk dibasuh dengan sama ada kerosene atau turpentine. Tusche datang dalam bentuk cecair untuk memberus gigi atau dalam bentuk krayon pepejal. Penggunaan crayon menghasilkan cetakan skrin yang menyahut cetakan litografi secara mengelirukan.

Di samping itu, plat stensil juga boleh dihasilkan secara fotografi. Plat ini dibuat dengan meletakkan positif fotografi pada plat stensil gelatin yang disebar dalam bingkai percetakan vakum. Pendedahan kepada cahaya mengerikan gelatin di bawah kawasan telus tetapi meninggalkan gelatin lembut di bawah kawasan gelap. Dalam air suam kawasan lembut dibasuh keluar. Akhir sekali, stensil dilampirkan pada skrin dengan cara yang sama seperti stensil lain.

Seterusnya, untuk membuat cetakan skrin sutera, bingkai kayu yang memegang skrin diselindungi ke atas papan kayu yang lebih besar. Kertas cetakan diletakkan di atas papan, di bawah skrin. Konsistensi warna adalah penting ia mesti cukup cair untuk melalui skrin tetapi tidak terlalu cair. Tangki ditekan melalui skrin dengan squeegee (bilah getah, biasanya lebar

yang sama dengan skrin, yang ditetapkan dalam pemegang kayu). Semua jenis warna boleh digunakan namun setiap warna menggunakan bingkai kayu yang berbeza.

Kaedah percetakan digunakan untuk tujuan komersial. Hari ini, bagaimanapun, ramai artis menggunakan kaedah komersial untuk menghasilkan seni halus. Percetakan skrin sutera sendiri bermula sebagai proses komersial, dan hari ini ia adalah salah satu teknik yang paling popular dalam pembuatan cetakan kerana wataknya sangat sesuai untuk imej geometri keras. Proses fotomekanikal dimasukkan dalam kerja-kerja banyak pembuat cetakan kontemporari.

2.4 PERCETAKAN SKRIN

Percetakan skrin adalah salah satu teknik percetakan yang paling popular yang digunakan di kalangan pelbagai syarikat untuk mencetak reka bentuk ke pelbagai produk. Proses percetakan skrin telah lama wujud dan telah berkembang dari stencilling mudah kepada kaedah percetakan barangan lengkap. Selalunya, proses ini digunakan untuk mencetak ke poster, fabrik dan pembungkusan. Walau bagaimanapun, ia telah disesuaikan dengan pelbagai barangan yang lebih besar kerana teknik ini jauh lebih maju hari ini. Ia telah digunakan selama lebih daripada 100 tahun dalam sektor komersial dan seni dan kebanyakannya digunakan untuk mencetak imej dan reka bentuk pada kemeja-T, beg tote, kertas, kayu, seramik dan bahan-bahan lain.

Terdapat pelbagai jenis percetakan skrin sutera, bergantung kepada matlamat dan proses percetakan yang digunakan. Di antara mereka, kita boleh mencari serigraf untuk sektor reka bentuk grafik, serigraf untuk sektor seni dan percetakan tekstil, yang merupakan apa yang paling menarik minat kita. Percetakan skrin adalah optimum untuk mewujudkan peningkatan kesedaran jenama melalui penggunaan produk promosi yang berbeza.

Menggunakan stensil telah menjadi cara biasa untuk mencipta seni sejak awal zaman. Sejarah telah menunjukkan bukti stensil yang digunakan pada dinding gua, stensil yang digunakan untuk mereka bentuk pakaian seperti baju Hawaii, dan pelbagai fabrik di Jepun dan China dari abad-abad sebelumnya dibuat menggunakan stensil. Teknik-teknik 'percetakan' yang berbeza-beza ini telah membawa kepada apa yang kita tahu sekarang sebagai percetakan skrin. Mari kita lihat apa yang paling relevan dalam sejarah untuk proses ini.

Melalui inovasi yang banyak, percetakan skrin wujud sebagai cara yang cekap dan berkesan untuk menghasilkan imej ke pelbagai barangan. Beberapa kegunaan terawal percetakan skrin moden bermula di Amerika Syarikat. Syarikat-syarikat Amerika menggunakan jentera untuk mencipta imej bercetak skrin untuk kempen pemasaran mereka. Item yang digunakan untuk ini adalah pelbagai paparan pengiklanan seperti poster, tanda dan penutup buku. Tidak jauh berbeza dengan cara kita menggunakannya hari ini! Walau bagaimanapun, percetakan skrin telah berkembang menjadi proses automatik dan agak cepat yang boleh memenuhi keperluan peribadian semua orang. Sekarang, sebelum kita pergi lebih terperinci mengenai percetakan skrin, kami akan menerangkan peralatan apa yang digunakan agar anda mempunyai idea yang lebih baik tentang bagaimana produk anda dihasilkan.

Percetakan silkscreen bermula di China semasa Dinasti Han sekitar 221 Masihi di mana mereka merangka proses stenciling untuk memindahkan reka bentuk ke fabrik. Kemudian Jepun akan memperhalusi proses ini dengan menggunakan rambut manusia untuk mencipta skrin yang digunakan sebagai stensil.

Pada abad ke-17, Perancis mula menggunakan sutera untuk mencipta stensil, hari ini artis skrin sutera moden menggunakan mesh seperti bahan untuk menggantikan skrin sutera dari masa lalu. Percetakan Skrin Sutera menjadi popular pada abad ke-20 dengan bantuan daripada artis-artis kontemporari seperti Andy Warhol, Peter Blake dan Robert Rauschenberg. Sesetengah orang menganggarkan bahawa hampir 90% daripada t baju tersuai yang direka hari ini dicipta oleh percetakan skrin sutera.

Percetakan skrin sutera bermula dengan mengasingkan reka bentuk pelbagai warna ke dalam beberapa reka bentuk individu berwarna tunggal. Di mana setiap reka bentuk tunggal akan mewakili warna yang berbeza. Setiap reka bentuk kemudiannya dimasukkan ke skrin pengeluaran yang akan membolehkan ink dirumus khas untuk melepasi pakaian, kertas atau kanvas. Tangki disambut ke sasaran, dengan menarik ink melalui skrin dengan bantuan memerah. Setiap warna akan digunakan secara berasingan pada pakaian, bermula dengan karya seni latar belakang dan berakhir dengan imej latar belakang. Setiap warna merah perlu kering sebelum warna seterusnya digunakan.

Pencetakan skrin sutera menghasilkan beberapa gambar yang paling jelas dan berwarna-warni yang juga tahan lama yang luar biasa yang boleh bertahan selama bertahun-tahun! Kelemahan utama pencetakan skrin sutera adalah bahawa ia adalah proses pelbagai peringkat dan kos penyediaan awalnya mahal.

2.4.1 KEBAIKAN SILK SCREEN

KARYA TAHAN LEBIH LAMA

Percetakan Skrin Sutera memberikan ketahanan yang sangat baik kerana dakwat yang terlibat di mana direka untuk digunakan pada pelbagai permukaan yang berbeza. Sebagai tambahan kepada sifat fizikal cakera, perbuatan menekan cakera skrin sutera ke dalam kain meningkatkan lagi umur panjang reka bentuk.

Baju t atau tee polo yang menggunakan proses skrin sutera akan berdiri sehingga bertahun-tahun mencuci dan penderaan fizikal. Kami amat mengesyorkan proses percetakan jenis ini untuk pelanggan kami dalam persekitaran aktif yang sering ditemui dalam industri perkhidmatan.

KEUPAYAAN MENCETAK DALAM SKALA YANG BESAR

Silk mengurangkan kira-kira kerja untuk mensasarkan semula imej dan logo yang akan muncul di lokasi yang berbeza baju. Dalam jenis percetakan baju t yang lain, proses penskalaan

imej akan melibatkan membuat perubahan kepada banyak fail imej. Contoh penskalaan imej yang baik adalah di mana pelanggan mahu logo di poket baju t, lengan lengan lengan, dan belakang baju t. Proses skrin sutera menggunakan topeng fotosensitif yang sangat mengurangkan bilangan jam manusia.

PALET WARNA YANG MENARIK

Silk screen popular dalam seni kontemporari kerana keupayaannya untuk kreativiti dan warna terang. Cakera yang digunakan akan bertahan lama sebelum mereka mula pudar. Dalam kebanyakan kes, tangki yang digunakan dipanggil Plastisol, yang direka untuk menawarkan warna dan ketahanan yang unggul. Proses skrin sutera mudah juga membolehkan pengubahsuaian kepada teknik yang boleh mengakibatkan beberapa reka bentuk yang menarik.

EKONOMI

Kemampuan percetakan skrin sutera berlaku apabila saiz pesanan meningkat apabila kos tetap kemudian tersebar ke atas jumlah item yang akan dicetak. Apabila saiz pesanan meningkat, kos untuk percetakan skrin sutera jatuh, kerana kos persediaan awal saringan sutera tersebar di atas sebilangan besar pakaian. Pada satu ketika, percetakan skrin sutera sebenarnya akan menjadi lebih menjimatkan daripada pemindahan haba. Apabila anda membandingkan percetakan skrin vs percetakan digital, kedua-dua kaedah percetakan mempunyai faedah dan kelemahan unik mereka sendiri.

Saringan sutera, seperti yang disebutkan tadi, sesuai untuk sebilangan besar cetakan, tetapi terhad kepada maksimum 4 warna unik dalam reka bentuk. Ini menjadikannya lebih sesuai untuk reka bentuk grafik mudah seperti logo dan teks.

Ia mempunyai warna yang tinggi dan ketepatan garisan dan menghasilkan imej yang tajam dan sengit. Percetakan digital, sebaliknya, adalah lebih menjimatkan untuk kurang cetakan dan boleh dilakukan untuk imej kompleks seperti gambar resolusi tinggi. Cetakan yang terhasil adalah lembut, tanpa sebarang protrusions atau kemas kasar. Untuk percetakan pukal dan grafik dan imej yang berbeza berbeza, saringan sutera adalah pilihan terbaik anda.

2.4.2 JENIS DAKWAT YANG DIGUNAKAN DALAM CETAKAN SILK SCREEN

Bagi mereka yang meminati bidang percetakan atau ingin mengetahui serba sedikit tentang jenis-jenis ink yang digunapakai bagi membuat cetakan, techsemut ingin berkongsi serba sedikit tentang maklumat ini. Bagi pengguna biasa kita hanya tahu satu jenis sahaja ink yang digunapakai pada mesin pencetak kita namun terdapat pelbagai jenis ink di pasaran yang mempunyai kegunaan bagi proses percetakan.

“Glue Beads”

Juga dikenali sebagai katil kaviar, katil gam dicetak terus kepada pakaian dalam bentuk reka bentuk, dan kacang plastik kecil kemudian tersekat padanya. Ini mewujudkan permukaan yang diunjurkan yang boleh dirasai secara fizikal.

‘Discharge Ink’

Dakwat ini digunakan dalam percetakan skrin semasa mencetak ke kebanyakan fabrik berwarna gelap untuk dilepaskan warna yang sudah ada di dalamnya. Mereka hanya bekerja pada fabrik kapas tulen dan memerlukan bilik pengudaraan yang baik semasa permohonan. Ini kerana terdapat wasap yang tidak menyenangkan yang dikeluarkan semasa proses permohonan dan pemindahan haba mengubati. Dakwat pelepasan biasanya digunakan untuk tidak menggalakkan fabrik gelap untuk mencetak reka bentuk warna dakwat di atasnya.

“ DAKWAT PLASTISOL ”

Dakwat Plastisol adalah jenis dakwat yang paling biasa digunakan untuk imej bercetak dalam saringan sutera. Ia mempunyai tekstur seperti plastik, dan boleh dibuat lebih lembut atau lebih berat, bergantung kepada lapisan ink yang ditambah kepada reka bentuk. Mereka memerlukan haba yang tinggi untuk menetapkan atau menyembuhkan reka bentuk sebaik sahaja ia selesai. Pada hari ini, jenis PVC baru dan phthalate ink percuma sedang digunakan, yang sangat serupa dengan cakera plastisol, tetapi tanpa komponen toksik yang terdapat di dalamnya.

Cat Air

Seperti namanya, cakera ini dibuat dengan air sebagai pangkalan. Ink mudah melihat ke dalam kain, mewujudkan tekstur yang sangat lembut. Ia biasanya digunakan untuk skrin komersial mencetak warna gelap pada permukaan berwarna ringan. Saringan sutera adalah salah satu kaedah terbaik untuk mencetak ke pelbagai bahan seperti kain, logam, plastik, dan kertas.

Eco solvent Ink

Ink ini adalah jenis bukan air yang cepat kering apabila di cetak pada permukaan sesuatu benda. Ink jenis ini biasa digunakan dalam proses pencetakan baner , kain rentang dan sebagainya. Memandangkan sifatnya yang cepat kering dan tahan dari sinaran matahari dan air , ink jenis ini tahan lama dan amat sesuai untuk di gunakan di kawasan luar bangunan seperti papan tanda dan sebagainya.

Penekan percetakan skrin digunakan untuk tshirt skrin sutera, mencetak tshirt dan mencipta tshirt tersuai, percetakan pakaian, percetakan skrin komersial, seni halus, percetakan 3d, reka bentuk grafik, dan lain-lain.

2.5 STEPHEN MENON

Stephen Menon adalah seorang pelukis dan pembuat seni cetakan. Beliau dilahirkan di Kuantan, Pahang, pada tahun 1972. Stephen Menon mempunyai Diploma Reka Bentuk Grafik dari Kolej Seni Kuala Lumpur pada tahun 1993. Beliau mengambil jurusan pembuatan cetakan dan minor dalam seni lukisan. Kemuncak karier artistik Stephen bermula ketika dia mula menjelajah dalam cetakan layar dan berimprovisasi pada teknik yang mendorong batas pembuatan cetakan tradisional. Mengusahakan berjuta-juta tema untuk karyanya dari sosio-politik, satira dan kerohanian. Karya-karya Stephen diterima dengan baik dan telah mendapat banyak penghargaan di dalam dan luar negara.

Stephen mempunyai minat dalam lukisan figuratif dan telah banyak belajar daripada Amron Omar, iaitu salah seorang artis figuratif terkemuka di Malaysia. Hal ini telah berkembang menjadi daya tariknya untuk melukis wajah terkenal seperti siri Tunku, P.Ramlee


dan Mao yang sangat terkenal. Apabila subjek Stephens berubah, media yang dia gunakan juga berubah. Kekreatifan Stephen Menon tidak mempunyai batas. Kini, Stephen mempunyai 3 pameran solo di bawah pencapaiannya dan kini beliau adalah artis residen di Universiti Malaya.

Menurut Pengarah Khazanah Negara di dalam salah satu temu bual oleh surat khabar The Star, beliau berkata bekerjasama dengan Menon adalah sesuai logik dengan tubuh kerja artis. Selama ini, potret pemimpin ikonik dan tokoh bersejarah telah menjadi naratif berulang dalam seni Menon, yang merangkumi kepingan berdasarkan Mao Zedong China, bekas presiden Indonesia Sukarno, ikon hiburan Tan Sri P. Ramlee, bekas perdana menteri Malaysia Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menon mendedahkan bahawa walaupun karya-karya itu semua berdasarkan potret tunggal individu itu, dia memperluaskannya ke dalam siri adalah untuk memecahkan ikon ke dalam komponen dan menyerlahkan unsur-unsur yang membuat mereka legenda. "Bagi Tunku, saya memilih gambar beliau memakai tengkolok (headgear), kerana itu yang semua orang kenal," kata Menon, menjelaskan bahawa gambar itu diambil ketika Tunku Abdul Rahman diisytiharkan sebagai Perdana Menteri pada 1957.

Had penggunaan hanya satu potret subjeknya bermakna Menon perlu mendapatkan kreatif dengan memasukkan banyak elemen seperti poster tempoh dan iklan ke dalam pelbagai keping, dan dengan teliti mempertimbangkan warna yang digunakan. Terdapat 75 keping, pelbagai saiz, dalam pameran ini.

2.5.1 KARYA STEPHEN MENON



2.6.1 GE14 Series : Bagai Empedu Lekat di Hati

GE14 Series: Bagai Empedu Lekat Di Hati

2018

screenprint and acrylic on paper

67 x 67 cm. (26.4 x 26.4 in.)

Karya yang dihasilkan oleh Stephen Menon yang bertajuk GE14 Series “ Bagai Empedu Lekat di Hati” menceritakan situasi politik di Malaysia. Subjek orang yang memakai topeng pelakon menggambarkan seorang lelaki yang menyimpan seribu perasaan di dalam hati. Topeng pelakon menutup perasaan sebenar si pemakai. Manakala topeng karnival menggambarkan isteri lelaki tersebut. Topeng ini digambarkan sebagai hiburan. Maksud tersirat di sebalik topeng karnival ialah sifat seorang wanita yang suka menunjuk dan bermewah dengan kekayaan yang ada. Situasi ini bukanlah sesuatu perkara yang baharu dalam masyarakat

kita. Seseengah golongan masyarakat berbelanja tanpa mengukur baju di badan sendiri dan natijah daripada perbuatan tersebut memberi impak yang buruk kepada mereka sendiri.

Stephen Menon berjaya menyampaikan mesej melalui teknik stensil kepada audien. Subjek yang jelas dan komposisi yang ringkas membolehkan audien memahami karya beliau dengan baik. Seterusnya karya beliau tampak harmoni dan estetik walaupun mengandungi mesej yang berat.




Pandora's Box

Screenprint,

Acrylic on Paper,

76cm x 52cm (each),

2018



2.5.3 Never a Dull Moment

Never a Dull Moment

Screenprint

Acrylic on Paper

36cm x 47cm

2020

2.6 CORONAVIRUS

Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19). Jangkitan

Coronavirus boleh menyebabkan spektrum gejala daripada selesema biasa kepada radang paru-paru (pneumonia) yang teruk.

Coronavirus atau COVID-19 adalah virus corona yang baru dan KKM sentiasa berhubung dengan pihak antarabangsa termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk mempelajari characteristic and behavior virus ini. KKM dan badan-badan kesihatan dunia semuanya tiada pengalaman menangani virus COVID-19 ini, walaubagaimana pun KKM mempunyai pengalaman menangani virus lain dalam kumpulan ini seperti SARS dan MERS CoV. Dalam menangani kluster atau wabak jangkitan SARS dan MERS CoV, pematuhan kepada prinsip kesihatan awam yang ketat serta pengawalan jangkitan telah membolehkan kluster atau wabak penyakit tersebut dihentikan. Pihak KKM yakin dengan mengamalkan prinsip yang sama kita akan berjaya menangani kluster jangkitan COVID-19 ini.

Cara penularan Coronavirus (COVID-19) masih belum dikenalpasti. Walau bagaimanapun jangkitan daripada manusia kepada manusia yang lain telah disahkan berlaku. KKM kini sedang mengawasi perkembangan jangkitan ini dan situasi sentiasa berubah dan akan mengemaskini maklumat penyakit ini dalam laman sesawang KKM dari semasa ke semasa. Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada dan mengamalkan kebersihan diri yang baik.

2.7 KESAN COVID-19 TERHADAP MALAYSIA

Penularan wabak COVID-19 secara global telah menjangkiti lebih 4.7 juta manusia dan mengakibatkan kehilangan lebih 300,000 nyawa sehingga artikel ini ditulis. Selain itu, penyebaran jangkitan koronavirus juga telah mengubah corak kehidupan manusia serta merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik.

Pandemik COVID-19 mendatangkan kesan langsung kepada ekosistem perniagaan domestik seperti industri makanan dan minuman, industri pembinaan dan pembuatan, industri pelancongan, serta industri pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Ini sekaligus mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan.

Sebanyak 20.5 juta orang hilang pekerjaan di Amerika Syarikat pada April lalu yang merupakan paling teruk pernah berlaku sekali gus menyebabkan tahap pengangguran meningkat kepada 14.7 peratus. Di Malaysia pula, jumlah pengangguran pada Mac lalu mencatatkan peningkatan 17.1 peratus kepada 610,500 orang berbanding 521,300 orang pada bulan sama tahun lepas.

Coronavirus telah menyebabkan ekonomi global jatuh merudum apabila semua sektor terkesan seperti sektor teknologi dan tenaga. Harga minyak dunia jatuh 30% iaitu kejatuhan terbesar sejak Perang Teluk pertama pada tahun 1991. Hal ini berikutan dengan kekurangan permintaan terhadap bahan bakar ini kerana pengangkutan, pelancongan dan penerbangan terjejas akibat COVID-19 yang mengurangkan aktiviti luar. Turut terjejas Sektor perhotelan dan pelancongan yang berkurangan disebabkan oleh kuarantin dan kekurangan keluar masuk pelancong.

Wabak COVID-19 juga telah merebak ke Malaysia dan mengganggu-gugat ekonomi Malaysia. Antara yang teruk terjejas adalah sektor penerbangan, perhotelan, pelancongan dan harga petroleum. Kejatuhan harga petroleum yang merupakan pendapatan utama negara dan kejatuhan industri pelancongan yang merupakan penjana pertukaran asing kedua terbesar menyebabkan Malaysia mengalami kerugian dalam skala besar. COVID-19 memberikan kesan yang drastik kepada harga minyak. Ini dibuktikan dengan harga bagi setong merosot lebih 50 peratus yang akan mengurangkan pendapatan negara kepada RM30 bilion.

Syarikat penerbangan dan industri pelancongan juga mengalami kerugian akibat Perintah Kawalan Pergerakan Malaysia untuk menyekat penularan covid-19 akan

menyebabkan hotel, pengangkutan darat, restoran akan mengalami kerugian dan seterusnya ramai pekerja akan menderita kerana berhadapan kemungkinan untuk dibuang kerja. Berikutan dengan masalah yang berlaku ini, kerajaan telah memutuskan untuk memberi beberapa jenis bantuan kepada individu yang memerlukan untuk meneruskan kelangsungan hidup seperti diskaun penggunaan elektrik di samping penangguhan bayaran semua pinjaman bank di bawah seliaan bank negara Malaysia selama 6 bulan demi membantu rakyat di dalam era pandemik COVID-19 ini.

Menurut laporan berita daripada Berita Harian, antara turut terjejas teruk sektor pendidikan, terutama institusi pengajian tinggi. Banyak kampus ditutup untuk pelajar sejak Mac lalu. Memang terasa sunyi, walaupun staf hadir bekerja seperti biasa, kelibat pelajar lalu lalang memenuhi setiap ruang di kampus memang dirindui.

Apabila pelajar tidak hadir ke kampus lebih tujuh bulan dan mungkin sehingga hujung tahun ini, banyak perniagaan dalam dan luar kampus merosot teruk. Kedai fotostat, kedai makan, penjual kacang dan ais krim di kaki lima dewan kuliah, sekolah memandu serta kedai makan di luar yang sering menjadi perhatian pelajar terjejas teruk. Ada kedai menyerah kalah dan gulung tikar. Sewa tetap wajib dibayar, tetapi tiada pelanggan. Siapa mampu bertahan. Sekolah dan institusi pendidikan ditutup lama menyebabkan ekosistem ekonomi berlegar di sekelilingnya turut terjejas. Pemandu van sekolah, penjual ais krim dan ayam goreng, pengusaha kantin, penjual buku serta pembekal alat tulis, semuanya terjejas.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Menurut Goddard dan Melville (2001, p.1), penyelidikan ialah proses mengumpul maklumat; serta mencari jawapan kepada soalan yang tidak terjawab sebagai sebahagian daripada penemuan atau mewujudkan pengetahuan baru. Oleh itu untuk memastikan agar pengetahuan yang baru ditemui atau dicipta ini diiktiraf atau diperhatikan, pengkaji perlu membuktikan bahawa ia adalah sah.

Menentukan kesahihan sesuatu kajian berlabuh pada metodologi kertas penyelidikan pengkaji. Menurut Somekh dan Lewin (2005), metodologi penyelidikan adalah "koleksi kaedah atau peraturan" yang pengkaji gunakan untuk penyelidikan, serta "prinsip, teori, dan nilai" yang menyokong pendekatan sesuatu penyelidikan. Ringkasnya, seksyen metodologi kertas penyelidikan mesti menunjukkan kaedah seseorang pengkaji dapat mengumpul atau menjana data penyelidikan dan menunjukkan kaedah menganalisisnya (Perpustakaan SHU, 2020).

Metodologi dalam penyelidikan ditakrifkan sebagai kaedah sistematik untuk menyelesaikan masalah penyelidikan melalui pengumpulan data menggunakan pelbagai teknik, menyediakan tafsiran data yang dikumpulkan dan membuat kesimpulan mengenai data penyelidikan. Pada dasarnya, metodologi penyelidikan adalah blueprint penyelidikan atau kajian (Murthy * Bhojanna, 2009, p. 32).

Metodologi kajian dijalankan adalah untuk mengaitkan soalan dan objektif kepada penyelidikan dengan hasilnya. Reka bentuk penyelidikan dalam laporan ini adalah menggunakan kaedah penumpuan rawak mudah. Kajian ini adalah untuk menyiasat sejarah seni cetakan dan penggunaan teknik cetakan stensil dalam penghasilan karya. Kaedah kluster yang digunakan untuk mendapatkan maklumat adalah objektif yang tepat, mudah, dan relevan. Kaedah ini akan digunakan sebagai instrumen ialah borang kaji selidik, yang mudah dijawab daripada responden.

Kajian ini dijalankan untuk menganalisa sejarah seni cetakan di Malaysia dan mengenalpasti jenis-jenis kaedah stensil yang wujud dalam penghasilan karya seterusnya mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat mengenai cetakan stensil. Oleh itu, pengkaji perlu menyediakan strategi penyelidikan untuk mendapatkan data yang tepat. Kaedah kajian yang digunakan terbahagi kepada dua komponen iaitu data primer dan data sekunder.

3.1 KAEDAH KAJIAN

Secara tradisinya, penyelidik akademik sering mendekati kajian penyelidikan melalui dua paradigma yang berbeza, iaitu kualitatif dan kuantitatif (Dumay, 2008), pendekatan positivistik dan fenomena memainkan peranan penting dalam menentukan proses pengumpulan data anda, terutamanya kaedah yang akan anda gunakan dalam penyelidikan anda. Kaedah penyelidikan meletakkan asas penyelidikan anda. Menurut Ketua Eksekutif Pusat Strategi Ekonomi Tempatan, Neil McInroy, tidak menggunakan kaedah dan reka bentuk penyelidikan yang sesuai mewujudkan "asas yang goyah untuk sebarang kajian, penilaian, atau strategi masa depan (Macdonald et al., 2008, p. 3). Dalam penyelidikan, terdapat dua kaedah asas yang digunakan untuk sama ada pendekatan—kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif.

3.1.1 KAJIAN KUANTITATIF

Pendekatan ini sering digunakan oleh penyelidik yang mengikuti paradigma saintifik (Haq, 2014, p. 1). Kaedah ini berperanan untuk mengukur data dan umumkan hasil daripada sampel populasi sasaran (Macdonald et al., 2008, p. 9). Ia mengikuti proses pengumpulan data berstruktur dengan output data dalam bentuk nombor. Penyelidikan kuantitatif juga memerhatikan analisis objektif menggunakan cara statistik (Macdonald et al., 2008, p. 9).

3.1.2 KAJIAN KUALITATIF

Tidak seperti pendekatan kuantitatif yang bertujuan untuk mengira perkara-perkara untuk menjelaskan apa yang diperhatikan, kaedah penyelidikan kualitatif menjurus ke arah mewujudkan penerangan lengkap dan terperinci pemerhatian pengkaji sebagai penyelidik (Macdonald et al., 2008, p. 9). Daripada memberikan ramalan dan/ atau penjelasan kausa, kaedah kualitatif menawarkan kontekstualisasi dan tafsiran data yang dikumpulkan. Kaedah penyelidikan ini adalah subjektif dan memerlukan sebilangan kecil responden yang dipilih dengan teliti.

3.2 DATA PRIMER

Data primer adalah sejenis data yang dikumpulkan oleh penyelidik secara langsung dari sumber utama melalui temu ramah, tinjauan, dan eksperimen. Data primer biasanya dikumpulkan dari sumber, dianggap sebagai data terbaik dalam penyelidikan. Sumber data primer biasanya dipilih dan disesuaikan khusus untuk memenuhi permintaan atau kehendak penyelidikan tertentu. Namun, sebelum memilih sumber pengumpulan data, perkara seperti tujuan penyelidikan dan populasi sasaran perlu dikenal pasti.

3.2.1 TEMU BUAL

Temu bual adalah kaedah pengumpulan data yang melibatkan dua kumpulan orang, di mana kumpulan pertama adalah penemuduga (penyelidik bertanya dan mengumpulkan data) dan orang yang ditemu ramah (subjek atau responden yang diajukan soalan). Soalan dan tindak balas semasa temu duga mungkin lisan atau betulis.

Temu ramah boleh dilakukan dengan 2 cara, iaitu temu ramah secara langsung dan temu ramah tidak langsung. Wawancara secara langsung memerlukan penemu ramah atau dan orang yang ditemu ramah bersemuka dalam mendapatkan maklumat.

Pengkaji telah menemu bual seorang artis tempatan yang bergiat dalam menghasilkan karya menggunakan teknik stensil. Temu bual ini dilakukan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan beliau dalam penghasilan karya. Memandangkan Malaysia berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan kes covid-19 yang meningkat, pengkaji telah menemu bual artis melalui platform 'Instagram'.

Kesimpulannya, kaedah temu bual membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat berdasarkan pandangan realiti. Ini kerana banyak perkara boleh dilihat dalam ArmyMuseum. Itu akan menjadi maklumat berguna untuk penyelidik untuk membuat penyelidikan dari kaedah pemerhatian.

3.2.2 KAEDAH SOAL SELIDIK

Kajian ini menggunakan borang soal selidik berdasarkan soalan tertutup untuk adanya menjawab dan diperiksa oleh penyelidik. Lima puluh responden secara rawak akan menjawab soal selidik ini. Kira-kira 50 orang telah dipilih, andthat adalah responden minimum untuk kajian ini yang memerlukan analisis dan statistik. Pilihan responden dalam soal selidik berdasarkan kesediaan dan keupayaan mereka untuk memansuhkan, jadi setiap jawapan yang diberikan akan dianalisis untuk membantu penyelidik mencapai objektif.

Penyelidikan secara soal selidik adalah bentuk penyelidikan yang popular dalam kalangan penyelidik, hal ini kerana soal selidik dapat merangkumi pelbagai bidang serta pemasangan dengan senang. Melalui soal selidik maklumat berhubung dengan responden boleh dirahsiakan. Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang.

Soalan soal selidik terbahagi kepada dua bahagian, bahagian pertama mengenai latar belakang responden antara soalan yang terkandung ialah jantina, dan kumpulan umur responden. Manakala bahagian kedua mengenai pengetahuan responden mengenai teknik stensil. Bentuk soalan yang dikemukakan dalam soal selidik ini adalah soalan tertutup. Jenis

soalan ini mudah untuk dianalisis dan menyenangkan responden untuk memberikan jawapan kerana dia hanya dikehendaki memilih satu dari beberapa jawapan yang diberikan (Syed Arabi: 1998:135).

Soalan soal selidik lebih tertumpu untuk mendapatkan data tentang tahap pengetahuan responden terhadap seni cetakan di Malaysia serta kaedah teknik stensil dalam penghasilan karya. Proses soal selidik dijalankan dengan penerangan ringkas daripada penulis tujuan soal selidik dilakukan dan menyatakan bahawa segala maklumat peribadi adalah dirahsiakan.

3.3 DATA SEKUNDER

Selain daripada maklumat daripada sumber pertama, data juga boleh dikumpulkan melalui pihak ketiga, iaitu data sekunder. Data dikumpulkan daripada data yang telah dikaji dari penyelidikan sebelumnya, dan diguna untuk menjalankan penyelidikan baru. Data sekunder adalah salah satu daripada dua jenis data utama, di mana jenis kedua adalah data utama. Dua jenis data ini sangat berguna dalam penyelidikan dan statistik.

Data sekunder adalah data yang telah dikumpulkan melalui sumber utama dan disediakan untuk penyelidik menggunakannya dalam penyelidikan pengkaji itu sendiri. Data sekunder adalah sejenis data yang telah dikumpulkan pada masa lalu. Seorang penyelidik mungkin telah mengumpul data untuk projek tertentu, kemudian menjadikannya tersedia untuk digunakan oleh penyelidik lain. Data juga mungkin telah dikumpulkan untuk kegunaan umum tanpa tujuan penyelidikan tertentu seperti dalam kes bancian kebangsaan. Data yang

diklasifikasikan sebagai sekunder untuk penyelidikan tertentu boleh dikatakan utama untuk penyelidikan lain.

Sumber data sekunder termasuk buku, sumber peribadi, jurnal, akhbar, laman web, rekod kerajaan dan sebagainya. Data sekunder diketahui sedia ada berbanding dengan data utama. Ia memerlukan penyelidikan yang sangat sedikit dan memerlukan tenaga kerja untuk menggunakan sumber-sumber ini. Dengan kemuncuhan media elektronik dan internet, sumber data sekunder telah menjadi lebih mudah diakses.

3.4 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data yang digunakan dalam penyelidikan ini menggunakan soal selidik dan temu bual. Borang soal selidik yang diedarkan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan objektif. Walaupun kaedah kedua adalah melalui carian di laman sesawang dan jurnal, kedua-dua kaedah ini akan membantu penyelidik untuk mencapai objektif penyelidikan. Jadual di bawah menerangkan bagaimana penyelidik mencapai objektif kajian melalui kaedah dan strategi yang digunakan.

Objektif	Kaedah Kajian	Strategi
iv. Menganalisa sejarah seni cetakan di Malaysia.	1. Data Primer	1. Menemu bual artis yang mahir dalam bidang cetakan stensil
v. Mengenalpasti jenis-jenis kaedah stensil yang wujud dalam penghasilan karya.	2. Data Sekunder	2. Mengedarkan soal selidik kepada tiga kumpulan pelajar seni iaitu sekolah menengah,STPM dan pelajar universiti
vi. Mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat mengenai cetakan stensil.		

3.5 KESIMPULAN

Bab ini menerangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Terdapat dua kaedah kajian iaitu soal selidik dan temu bual. Kedua-dua kaedah telaah membantu pengkaji dalam mendapatkan data dengan mudah untuk penyelidikan ini. Semua data ini akan dibantah dalam bab seterusnya oleh penyelidikan.

BAB 4

ANALISIS DATA

4.0 PENGENALAN

Analisis data merupakan salah satu proses penelitian yang dilakukan setelah semua data yang diperlukan guna memecahkan permasalahan yang diteliti sudah diperoleh secara lengkap. Ketajaman dan ketepatan dalam penggunaan alat analisis sangat menentukan keakuratan pengambilan kesimpulan, karena itu kegiatan analisis data merupakan kegiatan yang tidak dapat diabaikan begitu saja dalam proses penelitian. Oleh itu, pengetahuan dan pemahaman pengkaji tentang pelbagai teknik analisis amat diperlu bagi seorang penyelidik supaya hasil penyelidikannya dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada penyelesaian masalah serta hasilnya boleh diambil kira secara saintifik (Ali Muhson,2010).

Bab ini mengemukakan dapatan kajian berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh responden-responden terhadap soal selidik yang telah dijalankan. Semua keputusan yang diperolehi dibentang dalam bentuk jadual, carta pai dan graf. Hasil dapatan kajian yang dikemukakan dalam bab ini adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian iaitu tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap teknik cetakan stensil. Untuk menjawab persoalan kajian tersebut, pengkaji telah menggunakan statistik deskriptif bagi menjawab soalan kajian 1 dan 2 untuk menjelaskan latarbelakang responden, soal selidik berkenaan teknik cetakan dan kesan covid-19 terhadap Malaysia.

4.1 ANALISIS DATA

Analisis yang dilakukan ini adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang diperolehi iaitu mengandungi interpretasi yang merangkumi keseluruhan ruang lingkup mengenai objektif kajian. Sehubungan dengan itu, perbincangan dalam analisis ini akan menumpukan kepada menjawab kesemua persoalan kajian yang telah dikemukakan melibatkan soal selidik pelajar seni, temu bual artis stensil dan proses penghasilan karya.

4.1.1 ANALISA SOAL SELIDIK

Dapatan soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mengenai latar belakang responden, pengetahuan mengenai teknik stensil dan keberkesanan teknik stensil dalam menyampaikan sesuatu maklumat melalui penghasilan karya.


4.2 ANALISIS LATAR BELAKANG RESPONDEN

BIL	Butiran	BILANGAN	PERATUS (%)
1	JANTINA		
	i. Perempuan	26	65
	ii. Lelaki	14	35
2	UMUR		
	i. 16 - 20 Tahun	6	15
	ii. 21- 23 Tahun	8	20
	iii. 24 Tahun ke atas	26	65

Jadual 4.2 Latar Belakang Responden

Jadual di atas menunjukkan analisis latar belakang responden secara peratusan dan kekerapan berdasarkan item 1 hingga 2 dalam borang soal selidik.

ANALISIS JANTINA RESPONDEN




4.2.1 Jantina

responden

Kajian ini melibatkan 40 orang responden yang terdiri daripada 65% perempuan dan 35% lelaki. Berdasarkan data yang telah dikumpul, bilangan responden perempuan lebih banyak berbanding responden lelaki. Seramai 26 responden telah mengambil bahagian dalam

menjawab soal selidik ini. Daripada perangkaan ini, kita dapat membuat gambaran umum bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki. Hal ini kerana jumlah pelajar memang tidak seimbang antara jantina. Agak sukar untuk mendapatkan responden yang betul-betul sama dari segi bilangan mengikut jantina.


4.2.2 ANALISIS KUMPULAN UMUR RESPONDEN



Rajah 4.1.2 menunjukkan umur responden. Umur responden adalah antara 16 hingga 24 tahun ke atas dan dibahagikan mengikut tiga peringkat umur. Lingkungan pertama adalah daripada mereka yang berumur antara 16 tahun hingga 20 yang terdiri daripada 15% (6 orang) bagi Kumpulan umur yang kedua pula adalah daripada golongan mereka yang berumur 21 hingga 23 tahun iaitu terdiri daripada 20% (8 orang), manakala peringkat 24 tahun dan ke atas terdiri daripada 65% (26 orang).

4.3 ANALISIS TAHAP KESEDARAN TEKNIK CETAKAN STENSIL DALAM KALANGAN PELAJAR SENI.


4.3.1 1. Pernahkah anda mendengar atau membaca mengenai teknik cetakan stensil ?



4.3.1 Pernahkah anda mendengar atau membaca mengenai teknik cetakan stensil ?

Berdasarkan carta pie 4.2.1, kebanyakan responden telah menjawab Ya. Seramai 52.5% telah menjawab Ya manakala 47.5% menjawab Tidak. Hal ini menunjukkan teknik stensil dikenali dalam kalangan pelajar seni. Namun peratusan pelajar yang tidak mengenali teknik stensil juga banyak. Ini menunjukkan tahap kesedaran atau pengetahuan teknik stensil masih berkurangan dalam kalangan pelajar.


4.3.2 2. Adakah anda tahu teknik cetakan stensil adalah teknik mencantumkan huruf, angka atau gambar dari penggunaan template?



4.2.2 Adakah anda tahu teknik cetakan stensil adalah teknik mencantumkan huruf, angka atau gambar dari penggunaan template?

Pada analisis rajah 4.2.2, 62.5% telah menjawab Tidak dan 37.5% menjawab Ya. Berdasarkan data yang telah diterima, menunjukkan tahap pengetahuan pelajar seni terhadap kaedah teknik cetakan stensil masih lagi berada di tahap yang rendah. Hal ini mungkin disebabkan pelajar seni kurang berminat atau tidak diberikan pendedahan yang mendalam mengenai cetakan stensil. Malah ada sesetengah pelajar yang salah anggap bahawa teknik cetakan stensil adalah seni digital atau grafik.

4.3.3 3. Adakah bahan yang digunakan dalam teknik cetakan stensil terbatas kepada satu bahan sahaja?



4.2.3 Adakah bahan yang digunakan dalam teknik cetakan stensil terbatas kepada satu bahan sahaja?

Manakala berdasarkan Rajah 4.2.3 menunjukkan majoriti responden iaitu pelajar seni mengetahui bahan yang digunakan dalam penghasilan teknik cetakan stensil. 92% iaitu seramai 37 orang telah menjawab Ya dan 8% (3 orang) telah menjawab Tidak. Ini menunjukkan bahawa pelajar seni menegtahui asas teknik cetakan stensil.

4.3.4 4. Adakah karya yang menggunakan teknik cetakan stensil mampu memberi kesedaran tentang bahayanya jangkitan Covid-19 dalam masyarakat?



4.3.4 Adakah karya yang menggunakan teknik cetakan stensil mampu memberi kesedaran tentang bahayanya jangkitan Covid-19 dalam masyarakat?

Berdasarkan Rajah 4.2.4, seramai 21 orang responden tidak pasti keberkesanan karya yang dihasilkan menggunakan teknik cetakan stensil dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat Malaysia. Seterusnya 17 orang responden telah menjawab Ya dan 2 orang menjawab Tidak. Oleh itu, berdasarkan data yang dikumpul, penyampaian mesej melalui karya merupakan salah satu cara yang berkesan untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai. Namun karya cetakan stensil bukanlah suatu kaedah yang yang dipercayai akan keberkesannya. Hal ini mungkin disebabkan bentuk teknik stensil lebih kepada abstrak yang menyebabkan sesetengah pihak sukar untuk mentafsirkan mesej disebalik karya yang dihasilkan.

4.4 HURAIAN TEMU BUAL BERSAMA STEPHEN MENON

Temu bual yang dilakukan kepada artis cetakan stensil iaitu Stephen Menon bertujuan mengumpul data yang boleh membantu memantapkan dapatan kajian ini. Temu bual ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu latar belakang artis dan maklumat mengenai cetakan stensil serta karya yang telah dihasilkan oleh beliau. Selain itu, untuk mengenal pasti dan mendapatkan maklumat tentang keistimewaan karya yang dihasilkan dan cabaran yang dihadapi oleh artis sepanjang pandemik covid-19 ini.

4.4.1 LATAR BELAKANG ARTIS

Stephen Menon, pelukis / pencetak kontemporari yang terkenal di Malaysia. Beliau dilahirkan pada tahun 1972 di Pahang, Malaysia. Pada tahun 1993, beliau telah menamatkan pelajaran dan mendapat Diploma Reka Bentuk Grafik dari Kolej Seni Kuala Lumpur.

Pengaruh luhur pada struktur spiritual, sindiran, dan sosiopolitik adalah fokus karya Stephen Menon. Selama sepuluh tahun terakhir, Stephen telah berdedikasi untuk proses pembuatan cetakan silkscreen, mengembangkan gaya yang memfokuskan pada warna, simbol, komposisi, dan perincian. Penggunaannya palet warna terhad untuk membangkitkan suasana tertentu dalam karya-karyanya menekankan penggunaan naratif, seolah-olah setiap tokoh adalah watak dalam drama situasional.

Beliau mempunyai gaya tersendiri yang telah menarik perhatian seluruh dunia. Karyanya mencipta semula gambar visual yang dilukis atau ditemui yang biasa dengan menyusun atau menyusunnya menjadi karya berlapis konsep baru. Karya beliau cukup

dramatik; Sama ada protagonis atau tidak, tokoh pusat selalu menjadi tumpuan, biasanya dikelilingi oleh banyak simbol yang berbeza.

Stephen Menon telah memenangi pelbagai naugerah. Anugerah Cemerlang yang diterima oleh Stephen Menon ialah dari Persatuan Potret Amerika Syarikat, Amerika Syarikat, 2016. Karya seninya bermula dengan percetakan skrin (serigraf) dan teknik-teknik yang diperbaiki yang mencabar pembuatan cetakan tradisional. Serigraphy adalah teknik percetakan sutera yang diperolehi daripada perkataan seri (Latin untuk 'sutera') dan grafik (Yunani untuk 'menulis'). Cetakan serigraf mendapat populariti selepas karya berskala besar oleh pop Amerika dan British dan artis moden dicipta menggunakan teknik kontemporari.

4.4.2 PENCAPAIAN ARTIS

Sepanjang Stephen Menon berkarya, beliau telah menerima pelbagai anugerah dan memenangi banyak pertandingan sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Tahun	Anugerah
2001	Incentive Award, Open Show Pahang
2006	Incentive Award, Gallery Shah Alam
2007	Finalist Young Contemporary, National Art Gallery
2016	Excellent Award – Portrait Society of America, USA
2017	Honorable Mention International Portrait Competition – Portrait Society of America
2016	Honorable Mention International Portrait Competition – Portrait Society of America
2018	Honorable Mention ,International Printmaking and Paper Art Show 2018, Indonesia
2019	Honorable Mention ,OnPaper Contest Printmaking, Spain 2019 Honorable Mention ,20 th International Print Biennial Varna, Bulgaria 2019 Honorable Mention, 7 Th NBC Meshtech Tokyo International Screen Print Biennial

Jadual 4.4.2 Pencapaian Stephen Menon

4.4.3 PAMERAN YANG DISERTAI OLEH STEPHEN MENON

TAHUN	PAMERAN
1999	Open Show, Gallery Senika Pahang
2000	Open Show, Gallery Senika Pahang
2001	<ul style="list-style-type: none"> • Asean Youth Camp Art Exhibition, Gallery SenikaPahang • Japan @ Malaysia Modern Art Exhibtion, Gallery SenikaPahang • Open Show, Gallery Senireka Pahang • Rakamrasa Inderapura, Hotel Istana, Kuala Lumpur
2002	<ul style="list-style-type: none"> • Pameran Lukisan Sempena Pertemuan Pelukisz Semalaysia, Gallery Senika • Kembara Warna, Group Show, Hotel MS Garden, Pahang
2003	<ul style="list-style-type: none"> • Ketikakitari, Sutra Gallery, Kuala Lumpur • Little India, Sutra Gallery, Kuala Lumpur • Indentity, Hotel Hytta, Pahang • Navarasa, Hotel Crown Princes, Kuala Lumpur
2007	<ul style="list-style-type: none"> • Open Show, Gallery Shah Alam, Selangor • Bakat Muda Sezaman, National Art Gallery, Kuala Lumpur • 12 Malaysian Artist, Gallery Artseni, Kuala Lumpur • Malaysian Art Award, Penang • Lakarasa Inderapura, National Art Gallery, Kuala Lumpur
2008	<ul style="list-style-type: none"> • Pandang tak Jemu, Group Show, Artcase gallery, Kuala Lumpur • Semesta, La Gallaria, London
2010	<ul style="list-style-type: none"> • Take Line For a Walk, Metro Fine Art Gallery, Kuala Lumpur • Garis, Metro Fine Art Gallery, Kuala Lumpur • Winds of Desire, Annex Gallery, Kuala Lumpur • Me @ Mao, Solo Show, Metro Fine Art Gallery, Kuala Lumpur • Asean Art Show (orient) , Tokyo, Japan • Anniversary Show, Pace Gallery, Kuala Lumpur • 18@18, Weiling Gallery, Kuala Lumpur • Face, Metro Fine Art Gallery, Kuala Lumpur • Beautiful People, Core Gallery, Kuala Lumpur
2011	<ul style="list-style-type: none"> • Sacred Structures : Artistic Renditions of Hindu Temples, Penang State Gallery

	<ul style="list-style-type: none"> • Pulp Fiction: Going Across The Grain, Chandan Gallery, Kuala Lumpur • Genesis, G13 Gallery, Kuala Lumpur
2019	<ul style="list-style-type: none"> • 20TH International Print Biennial Varna, Bulgaria • 12TH Biennial International Miniature Print, USA • OnPaper Contest, Sala aLfaRa, Spain • KLIMEX19, Segaris Gallery, Kuala Lumpur • Awagami International Miniature Print, Japan • Figure it Out, Segaris Gallery, Kuala Lumpur • Animal in Me, Sutra Gallery, Kuala Lumpur • Taksu 30 Years, APW Bangsar, Kuala Lumpur • Bendera, KL City Art Gallery, Kuala Lumpur • Art Against Aids, Publika WhiteBox, Kuala Lumpur • 7Th NBC Meshtech Tokyo International Screen Print Biennial, Yurakucho Gallery, Japan
2020	<ul style="list-style-type: none"> • Kickstart 366, Segaris Gallery, Kuala Lumpur • No(w) Showing!, Segaris Gallery, Kuala Lumpur • Love is, KL City Art Gallery, Kuala Lumpur • AAA x Segaris Exhibition, Segaris Gallery, Kuala Lumpur • Covart19, Russel, Kuala Lumpur • Seleksi Koleksi, Galeri Shah Alam, Selangor • International Virtual Engravist Printmaking Biennial, İstanbul • Warnanegara, Segaris Gallery, Kuala Lumpur • Traversing 175, Galeri Prima, Kuala Lumpur
2021	<ul style="list-style-type: none"> • BEBAS, Artas Gallery, Kuala Lumpur • PRINT MEET 2021, TRAKYA UNIVERSITY, FACULTY OF FINE ARTS, TURKEY • TRANS-PANDEMIC, Jogja Miniprint Biennale, Indonesia • '21 EXPRESSIONS', Faculty of Fine Art ASWARA, Kuala Lumpur

Jadual 4.4.3 PAMERAN YANG DISERTAI OLEH STEPHEN MENON

4.4.4 DAPATAN TEMU BUAL BERSAMA ARTIS STEPHEN MENON

SOALAN	JAWAPAN
1. Apakah yang dimkasudkan dengan stensil?	Teknik ini digelar serigraf atau screen print. Pada peringkat antarabangsa penggunaan ‘ Stensil’ tidak digunakan. Stensil digunakan hanya dalam kalangan komuniti kita sahaja. Selain itu, seni ini juga digelar sebagai printmaking. Seni ini bermula apabila tahun 1960, Andy Warhol telah membuat satu karya yang menggunakan teknik silkscreen dalam menghasilkan karya beliau.
2. Bilakah Stephen Menon mula menceburkan diri dalam aliran ‘printmaking’?	Stephen Menon telah bermula pada tahun 2009. Stephen Menon telah belajar dan meneksperimen diri sendiri untuk mencari major baru.
3. Apakah teknik atau kaedah yang digunakan untuk menghasilkan karya?	Stephen Menon gemar mencuba benda baharu dalam karya beliau. Setiap karya mesti mempunyai perbezaan. Misalnya karya pada siri pertama dan kedua mestilah mempunyai perbezaan sebanyak 10%. Selain itu, penggunaan pelbagai bahan juga turut digunakan. Antaranya ialah, eksperimen terhadap warna,filem dan kertas.
4. Apakah yang dititik beratkan oleh Stephen Menon ketika menghasilkan karya?	Sesuatuk lukisan itu perlu mempunyai cerita. Jika tiada penceritaan maka lukisan itu kosong. Penggunaan warna sangat penting dalam lukisan. Komposisi,elemen, ruang perlu mempunyai kaitan antara satu sama lain.

4.5 PROSES PENGHASILAN KARYA

Bagi menghasilkan sesebuah karya, lakaran sangat penting bagi pengolahan idea. Hal ini kerana, pengkaji akan lebih fokus kepada cara-cara penghasilan karya dan tidak terkeluar daripada sasaran sebenar tajuk tesis ini. Pengkaji memfokuskan pada beberapa imej yang telah diedit menggunakan perisian Photoshop:



4.4. Koleksi Komposisi Idea

4.5.1 KOMPOSISI IDEA DAN SUBJEK UTAMA KARYA



4.5.1 Komposisi Idea dan Subjek Utama Karya

Subjek utama dalam karya ini ialah para ‘frontliners’ dan subjek yang kedua ialah bendera Malaysia. Subjek utama diletakkan di bahagian hadapan untuk menunjukkan fokus utama dalam karya ini. Pengkaji meletakkan subjek ‘frontliners’ di hadapan kerana ingin menghargai jasa yang telah mereka taburkan demi melawan pandemic yang menimpa negara mereka. Para ‘frontliners’ telah banyak berkorban demi sama-sama memerangi wabak ini. Misalnya, golongan doctor yang bekerja tanpa henti untuk mengubati pesakit yang dijangkiti virus Covid-19. Mereka terdedah kepada virus secara langsung dan ini sangat membahayakan. Di samping itu, pasukan anggota beruniform seperti polis dan tentera berganding bahu menjaga keselamatan rakyat. Tidak lupa juga kepada servis penghantaran ‘Foodpanda’ dan ‘Grabfood’ yang turut bersama membantu rakyat menghadapi pandemic ini.

Seterusnya bendera Malaysia itu sendiri melambangkan rakyat Malaysia yang berusaha memerangi wabak covid-19. Wabak ini bukanlah satu gurauan mahupun teori konspirasi yang digembar-gemburkan. Wabak sangat bahaya dan boleh menyebabkan kematian. Usaha semua rakyat Malaysia dalam menangani wabak ini sangat bagus dan berdisiplin. Mereka sabar walaupun harus berkurung di rumah, kewangan terjejas dan emosi juga terganggu dek kerana perintah kawalan pergerakan yang dibuat demi mengurangi penyebaran wabak ini.

Hasilnya, pada tanggal 1 Julai 2020 Malaysia telah berjaya mencatat 0 kes tempatan. Hal ini telah menggembirakan semua rakyat Malaysia. Berkat kesabaran menjalani PKP telah membuahkan hasil yang positif. Namun kini, kes semakin meningkat dan ,merisau seluruh Malaysia.

4.6 PROSES MEWARNA



Alatan dan bahan-bahan yang digunakan ialah kanvas bersaiz 30cm x 40cm, cat, kertas A4 dan template imej yang akan disapu cat unruk mennghasilkan imej yang diinginkan. Kertas jenis Art Card yang digunakan mempunyai ketebalan 260 gsm untuk memastikan kualiti imej terjamin, apabila cat disapu. Imej yang akan dicat perlu dipotong dengan kemas agar tidak berlaku kecacatan pada imej.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.6.1 LAPISAN PERTAMA




4.5.1 Lapisan pertama

Pada lapisan pertama, kertas yang mempunyai imej dicantumkan pada kertas kosong yang berkualiti untuk disembur cat berwarna biru bagi menghasilkan latar belakang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.6.2 LAPISAN KEDUA

Seterusnya lapisan yang kedua. Cat berwarna merah digunakan pada bahagian bendera bagi menonjolkan imej yang berada di hadapan.



4.5.2 Lapisan kedua

4.6.3 LAPISAN KETIGA

Seterusnya, lapisan yang ketiga. Pengkaji menggunakan warna kuning untuk bulan dan bintang yang terdapat di bendera Malaysia.



4.5.3 Lapisan ketiga

4.7 KARYA AKHIR



Karya yang dihasilkan oleh pengkarya bertajuk “Hormat” yang teretus apabila melihat golongan barisan hadapan negara kita Malaysia bersama-sama rakyat sedang menghadapi wabak Pandemik Covid-19. Hasil dari analisa ini, pengkaji menghasilkan sebuah karya yang berkaitan dengan isu semasa menggunakan teknik stensil (Screenprint).Teknik Stensil yang digunakan dalam karya mampu memberi mesej kepada audiens.

Kajian ini dilakukan melalui proses analisis data, pemerhatian dan temu bual.Karya yang dihasilkan oleh pengkarya di inspirasikan daripada rujukan karya artist tempatan iaitu Stephen Menon. Karya yang dihasilkan beliau bertajuk “ Bagai Empedu Lekat Dihati” yang menggunakan teknik screenprint dan monoprint. Karya ini dihasilkan pada tahun 2018.

Karya ini dihasilkan bagi mengekspresi penghormatan terhadap barisan hadapan negara yang bertungkus-lumus menjaga rakyat menghadapi wabak pandemik Covid-19. Subjek yang dihasilkan dalam karya ini memaparkan barisan hadapan dari pelbagai perkhidmatan yang bekerja tanpa henti sepanjang menghadapi wabak ini. Bendera Malaysia sebagai latar belakang membawa maksud kita satu hati yang bersama-sama membantu menghadapi masalah. Warna yang digunakan hitam dan putih pada barisan hadapan menunjukkan kita bebas dari memerangi wabak Pandemik Covid-19.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji merumuskan secara ringkas segala perbincangan dan dapatan kajian yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya. Seterusnya yang terakhir, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang wajar diutarakan sebagai refleksi kepada keseluruhan kajian disertasi ini.

5.1 KESIMPULAN & CADANGAN

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, cetakan stensil atau lebih dikenali sebagai silkscreen, serigraf atau printmaking masih lagi kurang pendedahan terhadap yeknik ini. Namun dalam kalangan pelajar seni teknik ini bukanlah sesuatu yang asing lagi. Teknik kurang mendapat tempat dalam kalangan artis adalah disebabkan tatakajanya yang memerlukan masa dan kerajinan untuk menghasilkan sesuatu karya. Di samping itu, teknik ini memakan masa dan belanja yang besar. Seterusnya, teknik stensil ini sering disalah ertikan sebagai seni digital. Antara kedua teknik mempunyai perbezaan yang ketara.

Selain itu, kurang tulisan dan kajian mengenai teknik ini. Para artis menganggap seni cetakan sebaagai seni picisan. Oleh itu, kurang bahan bacaan mengenainya. Pelajar seni di sekolah juga kurang diberikan pendedahan secara betul dan mendalam mengenai seni cetakan dan teknik yang digunakan untuk menghasilkan karya melalui silkscreen atau serigraf. Istilah serigraf itu sendiri terdengar asing. Justeru kajian ini diharapkan dapat membanatu pelajar untuk lebih memahami apa itu seni cetakan dan teknik-tekniknya.

Secara keseluruhannya, pengkaji menyimpulkan bahawa setiap penggiat seni haruslah mempunyai kefahaman dalam melakukan sesuatu perkara tidak kira sama ada dalam penghasilan karya ataupun dalam penghasilan penulisan. Hal ini kerana pentingnya dalam menguasai sesuatu ilmu.

Seterusnya, melalui kajian ini, mata masyarakat akan lebih terbuka dan pengetahuan mereka mengenai seni cetakan stensil meningkat. Selain itu, dapat dengan adanya kajian ini, akan lebih menarik minat masyarakat untuk menghargai seni yang terdapat di Malaysia dan dunia.

Akhir sekali, pengkaji ingin mencadangkan agar penulisan berkaitan seni cetakan diperbanyakkan lagi. Buku yang khusus untuk seni cetakan. Tambahan lagi, untuk kegunaan pelajar sekolah terutama pelajar seni. Mereka perlu didedahkan dengan seni cetakan dengan meluas.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN

- K. (2011). *Seni Cetakan*. Scribd. <https://www.scribd.com/doc/300008994/Seni-Cetakan>
- N. (n.d.). *kepentingan kajian*. Scribd. Retrieved December 28, 2020, from <https://www.scribd.com/doc/299144724/kepentingan-kajian>
- B. (n.d.-a). *SEJARAH CETAKAN*. Scribd. Retrieved December 29, 2020, from <https://www.scribd.com/document/374573736/SEJARAH-CETAKAN>
- Roopa, S., & Rani, M. S. (2012). Questionnaire Designing for a Survey. *The Journal of Indian Orthodontic Society*, 46, 273–277. <https://doi.org/10.5005/jp-journals-10021-1104>
- B. (n.d.-a). *SEJARAH CETAKAN*. Scribd. Retrieved December 29, 2020, from <https://www.scribd.com/document/374573736/SEJARAH-CETAKAN>
- Berzofsky, M., Williams, R., & Biemer, P. (2009). Combining Probability and Non-Probability Sampling Methods: Model-Aided Sampling and the O*NET Data Collection Program. *Survey Practice*,
- Philipps, A. (2014). Defining Visual Street Art: In Contrast to Political Stencils. *Visual Anthropology*, 28(1), 51–66. <https://doi.org/10.1080/08949468.2014.880034>
- Bowman, D. (1952). Multi-Color Stencil Printing. *Design*, 54(2), 45–48.
- Stephenson, J. B. (1953). Stencil Art Projects. *Design*, 55(1), 28–30.

Jenis-jenis cetakan. (n.d.). [Http://jiansiong.blogspot.com/2011/11/Jenis-Jenis-Cetakan.Html](http://jiansiong.blogspot.com/2011/11/Jenis-Jenis-Cetakan.Html). Retrieved December 30, 2020, from <http://jiansiong.blogspot.com/2011/11/jenis-jenis-cetakan.html>

Brokaw, C. J. (2007). Printmaking Handbook: Traditional Techniques in Contemporary Chinese Printmaking (review). *China Review International*, 13(2), 343–348.

Bann, S. (2002). Photography, printmaking, and the visual economy in nineteenth-century France. *History of Photography*, 26(1), 16–25.

Prince, P. D. (2009). Imaging by Numbers: A Historical View of Digital Printmaking in America. *Art Journal*.

Banksy., 2005. *Wall And Piece*. London: Random House.

Bolognese, D., & Raphael, E. (1987). *Printmaking*. New York: F. Watts.

ABELL, C. A. T. H. A. R. I. N. E. (2015). Printmaking as an Art. *The Journal of Aesthetics and Art Criticism*, 73(1), 23–30.

Wasserman, B., & Peterdi, G. (1973). Printmaking. *Art Education*, 26(4), 26.

Ahmed, V., Opoku, A., & Aziz, Z. (2016). *Research Methodology in the Built Environment: A Selection of Case Studies* (pp. 32-49). Abingdon-on-Thames, England: Routledge. [ResearchGate](#).

Brannen, J., & Moss, G. (2012). Critical issues in designing mixed methods policy research. *American Behavioral Scientist*, 56 (6), 789-801. <https://doi.org/10.1177/0002764211433796>

Buchanan, D., & Bryman, A. (2007, July). Contextualizing methods choice in organizational research. *Organizational Research Methods*, 10 (3), 483-

501. <https://doi.org/10.1177/1094428106295046>

Choy, L. T. (2014). The strengths and weaknesses of research methodology: Comparison and complimentary between qualitative and quantitative approaches. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*, 19 (4), 99-104. <https://doi.org/10.9790/0837-194399104>

